



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

MAHASISWA POLYCC KUASAI KEMAHIRAN KEUSAHAWANAN DIGITAL

IPOH, 28 OKTOBER 2023 – Mahasiswa institusi Pendidikan tinggi (IPT) perlu menguasai kemahiran keusahawanan digital bagi memastikan mereka kekal berdaya saing dalam menghadapi ketidaktentuan ekonomi global yang semakin mencabar.

Lantaran itu, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Kolej Komuniti Tapah dengan kerjasama Sekretariat Usahawan Perak (STeP) dan Communication and Multimedia Content Forum of Malaysia (CMCF) mengambil inisiatif menganjurkan Contentpreneur Bizz Talk (CPB) 2023.

Menurut Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti Dr. Mohd Zahari Ismail, program tersebut ditawarkan kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti (POLYCC) serta usahawan yang terlibat dalam penghasilan isi kandungan digital.

“Dalam era globalisasi, keusahawanan digital merupakan tunjang penting untuk peningkatan ekonomi, peluang pekerjaan dan inovasi. Justeru, sudah sampai masanya penerapan keusahawanan digital diadaptasi dalam kalangan pelajar POLYCC supaya tidak ketinggalan dalam arus perdana ekonomi digital negara,”

“Hakikatnya, banyak ruang serta peluang dapat diteroka oleh pelajar dalam dunia digital sebagai saluran perniagaan untuk pelajar menjana pendapatan. Oleh itu, rebutlah peluang dengan memanfaatkan ekonomi digital untuk menjadi usahawan alaf baharu,” ujarnya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutup CPB 2023 di Politeknik Ungku Omar (PUO) di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Kolej Komuniti Tapah merangkap Pengarah Keusahawanan POLYCC Zon Perak Ahmad Nashad Zakaria dan Pengarah PUO Dr. Shamsuri Abdullah.

Seramai 300 orang pelajar POLYCC Zon Perak menyertai CPB 2023 dengan menghasilkan kandungan digital termasuk penyediaan copywriting yang menarik, teknik penyuntingan foto dan video serta kaedah pemasaran digital.

Dalam majlis tersebut Kolej Komuniti Gerik dinobatkan juara kategori Pengaruh dan Kesesuaian, Kolej Komuniti Teluk Intan (Kemahiran Teknikal) dan Kolej Komuniti Taiping (Kualiti Kandungan). Manakala Kolej Komuniti Manjung menjuarai kategori Kreativiti dan Inovasi serta turut membawa pulang Anugerah Juri.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
28 OKTOBER 2023**